

# Labuh unjam di perairan Paka

Sinar Harian 12/9/2018 m/s 34

**Usaha bantu  
tingkat  
pendapatan  
nelayan sehingga  
RM450 sehari**

NURUL ZAILA MOHD  
TAHIR

DUNGUN

Pertanian, Industri Asas Tani dan Pembangunan Desa Negeri, Dr Azman Ibrahim berkata, sebanyak RM580, 000 diperuntukan kerajaan negeri dan Persekutuan untuk melaksanakan projek melabuh unjam dan tukun di seluruh perairan Terengganu bagi tahun 2018.

Menurutnya, daerah Dungun menjadi destinasi kedua untuk perlaksanaan melabuh unjam dalam tempoh 100 hari peralihan kerajaan.

"Projek pertama sebanyak 51 unjam dilabuhkan di Kuala Marang pada 26 Ogos lalu membabitkan kos sebanyak RM13,000.

"Manakala di Kuala Paka, sebanyak 40 unjam dilabuhkan dengan kos kira-kira RM10,000.

"Kos unjam lebih murah jika dibandingkan dengan tukun iaitu hanya sekitar RM 250 untuk satu unit," katanya.

Hasil pendapatan nelayan di sekitar Kuala Paka dijangkakan meningkat selepas pelaksanaan projek melabuh unjam di perairan tersebut, di sini, baru-baru ini.

Sebanyak 40 unit unjam dilabuhkan sejauh kira-kira empat hingga lima batu nautika di perairan Paka bertujuan memperkayakan sumber laut Pengerusi Jawatankuasa

info

RM580,000 diperuntukan untuk laksana projek labuh unjam dan tukun di perairan Terengganu tahun ini

Hadir sama, Pengarah Pengarahan Negeri, Zawawi Ali.

Beliau berkata, projek berkenaan akan diteruskan di daerah-daerah lain dengan harapan dapat bantu menjana pendapatan nelayan, sekaligus memperbanyakkan sumber laut untuk tangkapan hasil.

"Dengan projek ini kita jangkakan hasil pendapatan nelayan akan meningkat dengan anggaran RM 300 hingga RM 450 sehari.

"Pertambahan perolehan hasil juga diharapkan dapat meningkatkan sosioekonomi



Proses melabuh unjam dilakukan di perairan Paka.

nelayan.

"Banyak manfaatnya unjam kerana pada musim tengkujuh, para nelayan masih

mampu menangkap ikan dan jaraknya yang jauh lebih memberi jaminan keselamatan. "Sebelum tengkujuh, kita

akan meneruskan projek ini ke beberapa daerah dan selepas itu disusuli daerah seterusnya sehingga selesai," katanya.